



BAHAGIAN 6

STATISTIK PASARAN

CADANGAN KORPORAT

EKUITI

Pada 2024, SC meluluskan 21 permohonan ekuiti, 10 daripadanya adalah untuk IPO di Pasaran Utama Bursa Malaysia dengan jumlah permodalan pasaran RM21.39 bilion. Anggaran amaun dikumpul daripada IPO ini adalah sekitar RM4.70 bilion (Jadual 1). Baki permohonan yang diluluskan termasuk 1 cadangan pemerolehan yang menyebabkan perubahan ketara dalam haluan perniagaan atau dasar dan 10 pemindahan penyenaiaan daripada Pasaran ACE ke Pasaran Utama.

Terdapat 55 penyenaiaan baharu pada 2024, 11 daripadanya di Pasaran Utama, 40 di Pasaran ACE dan 4 baki lagi di Pasaran LEAP dengan permodalan pasaran berjumlah RM31.37 bilion. Jumlah dana yang dikumpulkan daripada penyenaiaan baharu dianggarkan sebanyak RM7.42 bilion.

BON DAN SUKUK KORPORAT

Pasaran bon korporat dan sukuk Malaysia melaporkan jumlah penerbitan sebanyak RM124.15 bilion pada 2024, mewakili peningkatan sebanyak 4.92% daripada RM118.33 bilion yang diterbitkan pada 2023.

Terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit masih merupakan majoriti cadangan yang diluluskan oleh/diserahkan kepada SC dengan jumlah nilai nominal sebanyak RM165.89 bilion, yang mana sukuk mewakili 69.68% or RM115.59 bilion (Jadual 2).

Bilangan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diluluskan oleh/diserahkan kepada SC dengan tempoh matang antara 1 hingga 7 tahun dan yang melebihi 15 tahun masing-masing meningkat sebanyak 15% dan 65.71%. Terdapat penurunan sebanyak

JADUAL 1

Permohonan ekuiti yang diluluskan mengikut jenis cadangan

Jenis cadangan	2024		2023	
	Bilangan cadangan yang diluluskan	Anggaran amaun dikumpul (RM juta)	Bilangan cadangan yang diluluskan	Anggaran amaun dikumpul (RM juta)
IPO di Pasaran Utama: – Syarikat tempatan	10	4,696.78	7	2,808.29
Penyusunan semula/penggabungan dan pemerolehan	1	-	-	-
Pemindahan dari Pasaran ACE ke Pasaran Utama	10	-	11	-
JUMLAH	21	4,696.78	18	2,808.29

JADUAL 2

Terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan/diluluskan

Jenis terbitan	2024		2023	
	Bilangan terbitan	Amaun nominal (RM juta)	Bilangan terbitan	Amaun nominal (RM juta)
Bon korporat				
– Kertas perdagangan/ Nota jangka sederhana/Bon	22	48,450.00	20	73,004.50
– Stok pinjaman	1	354.00	2	215.46
Jumlah kecil	23	48,804.00	22	73,219.96
Sukuk				
– Kertas perdagangan Islam/Nota jangka sederhana Islam/Bon Islam	61	115,585.00	41	98,263.00
– Stok pinjaman Islam	-	-	-	-
Jumlah kecil	61	115,585.00	41	98,263.00
Gabungan bon korporat dan sukuk				
– Nota jangka sederhana / Nota jangka sederhana Islam	2	1,500.00	-	-
Jumlah kecil	2	1,500.00	-	-
JUMLAH	86	165,889.00	63	171,482.96


37.50% dalam jumlah bon korporat dan sukuk denominasi ringgit dengan tempoh matang antara 8 hingga 15 tahun (Carta 1).

Pada 2024, sebanyak 56 penarafan telah diberikan oleh agensi penarafan kredit kepada terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan kepada SC berbanding 40 penarafan yang diberikan dalam tahun 2023. Bilangan terbitan yang tidak diberi penarafan telah meningkat sebanyak 21.43% berbanding pada 2023 (Carta 2).

Terdapat 1 sukuk denominasi mata wang asing diserahkan kepada SC pada 2024.

CARTA 1

Tempoh terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan/diluluskan




Nota:

Tempoh kemudahan, dan bukan nota atau kertas yang diterbitkan di bawah kemudahan tersebut.


CARTA 2

Ringkasan penarafan terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan/diluluskan

Penarafan jangka panjang



Penarafan jangka pendek



Nota:

Suatu terbitan bon korporat atau sukuk boleh diberikan dengan lebih daripada 1 penarafan kredit (cth. Bagi program kertas perdagangan/nota jangka sederhana, kedua-dua penarafan jangka pendek yang diberikan kepada kertas perdagangan dan penarafan jangka panjang bagi nota jangka sederhana diambil kira).

PENGURUSAN PELABURAN

PENGURUSAN DANA


Jumlah keseluruhan AUM syarikat pengurusan dana (FMC) berlesen di Malaysia meningkat sebanyak 9.59% kepada RM1,069.07 bilion berbanding RM975.48 bilion pada 2023. Pada 2024, 5 FMC teratas menyumbang 53.83% daripada jumlah keseluruhan AUM berbanding 53.87% pada 2023 (Carta 1).

Sebahagian besar sumber dana bawah pengurusan adalah daripada dana unit amanah (UTF), KWSP, badan korporat dan dana borong (WF) (Jadual 1). Dana tersebut diperuntukkan dalam pelbagai kelas aset dan lokasi yang mana pelaburan FMC di dalam Malaysia berjumlah RM724.51 bilion, mewakili 67.77% daripada jumlah keseluruhan AUM pada penghujung 2024 (Carta 2). Sebahagian besar pelaburan diperuntukkan kepada ekuiti dengan 50.23% pada akhir 2024, berbanding 48.65% pada 2023 (Carta 3). Peruntukan asset bagi pelaburan di dalam Malaysia diteruskan dengan memfokuskan kepada ekuiti, pendapatan tetap dan penempatan pasaran wang, trend yang sama diperhatikan pada tahun sebelumnya (Carta 4).


JADUAL 1
Sumber dana bawah pengurusan pelanggan

Sumber dana	2024 (RM bilion)	2023 (RM bilion)
Dana unit amanah	546.08	499.88
KWSP	208.30	186.92
Badan korporat	122.03	107.83
Dana borong	82.60	77.15
Badan berkanun dan agensi kerajaan	54.00	45.52
Individu	24.99	21.22
Lain-lain	23.46	30.51
PRS	7.61	6.45
JUMLAH	1,069.07	975.48


CARTA 1
Aset yang diuruskan oleh FMC (%)




CARTA 2
Aset yang dilaburkan di dalam dan di luar Malaysia (RM bilion)



CARTA 3
Peruntukan aset (%)



CARTA 4
Peruntukan aset di dalam dan di luar Malaysia pada 31 Disember 2024 (RM bilion)



SKIM PELABURAN KOLEKTIF DAN SKIM PERSARAAN SWASTA

Dana Unit Amanah


Dana unit amanah di Malaysia terus menjadi komponen terbesar industri CIS Malaysia dengan jumlah nilai aset bersih (NAV) sebanyak RM546.08 bilion dicatatkan pada 31 Disember 2024 (2023: RM499.88 bilion). Peratus jumlah NAV industri dana unit amanah berbanding permodalan pasaran Bursa Malaysia Securities Bhd (Bursa Malaysia) adalah 26.25% (2023: 27.83%). Pada 2024, sebanyak 33 dana unit amanah telah dilancarkan manakala 12 dana ditamatkan dan 3 dana mencapai kematangan, menjadikan jumlah keseluruhan dana unit amanah yang ditawarkan oleh 39 syarikat pengurusan unit amanah yang diperbadankan di Malaysia kepada 775 dana setakat 31 Disember 2024 (Jadual 2).

Industri dana unit amanah mencatatkan jumlah jualan kasar (tidak termasuk pelaburan semula pengagihan) sebanyak RM283.54 bilion (2023: RM228.68 bilion), yang kebanyakannya diagihkan oleh syarikat pengurusan unit amanah dengan jumlah jualan kasar sebanyak RM140.50 bilion (Carta 5). Secara keseluruhan, industri dana unit amanah merekodkan penebusan bersih (tidak termasuk pelaburan semula pengagihan) sebanyak -RM8.59 bilion pada 2024 (2023: -RM25.19 bilion).

Dana Borong

Dalam segmen dana borong, jumlah NAV sebanyak RM82.60 bilion telah dicatatkan pada 31 Disember 2024, (2023: 77.15 bilion). Sejumlah 61 dana telah dilancarkan di bawah Rangka Kerja Serah dan Simpan (Rangka Kerja LOLA) untuk pelabur sofistikated manakala 35

CARTA 5
Saluran pengagihan



JADUAL 2

Status keseluruhan industri dana unit amanah

	31 Disember 2024	31 Disember 2023
Bilangan dana yang ditawarkan	775	757
– Konvensional	476	466
– Patuh Syariah	299	291
Unit dalam edaran (unit bilion)	757.38	756.79
Bilangan akaun (juta)*	27.39	26.38
Jumlah NAV (RM bilion)	546.08	499.88
– Konvensional (RM bilion)	423.86	386.77
– Patuh Syariah (RM bilion)	122.22	113.11
% daripada NAV kepada permodalan pasaran Bursa Malaysia ^	26.25	27.83

Nota:

* Bilangan akaun termasuk bilangan akaun pemegang unit dengan penasihat institusi skim unit amanah (UTS) yang mengendalikan sistem akaun penama.

^ Perbandingan yang dibuat antara jumlah NAV industri dana unit amanah dan permodalan pasaran Bursa Malaysia bukanlah petunjuk amaun sebenar yang dilaburkan di Bursa Malaysia oleh dana unit amanah.

dana telah ditamatkan, 7 dana ditukarkan kepada unit amanah dan 8 dana mencapai kematangan pada 2024, yang membawa jumlah bilangan dana borong yang ditawarkan oleh 53 syarikat pengurusan dana kepada 476 dana pada 31 Disember 2024 (2023: 465 dana).

Dana SRI

Pada 31 Disember 2024, sebanyak 75 dana ditawarkan kepada pelabur yang telah diberi kelayakan sebagai dana mampan dan bertanggungjawab (SRI) menurut *Garis Panduan Dana Mampan dan Bertanggungjawab* (2023: 68 dana). 75 dana tersebut terdiri daripada 45 dana unit amanah dan 30 dana borong dengan jumlah NAV pada 31 Disember 2024 sebanyak RM14.44 bilion (2023: RM7.70 bilion).

Amanah Pelaburan Hartanah

Pada 31 Disember 2024, sejumlah 19 amanah pelaburan hartanah (REIT) yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran berjumlah (termasuk kumpulan terikat) RM48.93 bilion (2023: RM41.78 bilion). Jumlah saiz aset meningkat daripada RM66.95 bilion pada 31 Disember 2023 kepada RM69.98 bilion pada penghujung 2024. Sebanyak 2 REIT tidak tersenarai ditawarkan kepada pelabur sofistikated pada 31 Disember 2024.

Dana Dagangan Bursa

Dengan penyenaian Eq8 FTSE Malaysia Enhanced Dividend Waqf ETF pada 2024, jumlah bilangan dana dagangan bursa (ETF) yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 31 Disember 2024 adalah 16 (2023: 15) dengan permodalan pasaran berjumlah RM2.36 bilion (2023: RM2.21 bilion).

Dana Tertutup


Pada 31 Disember 2024, masih hanya satu dana tertutup (CEF) disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak RM405 juta (2023: RM392 juta).

Skim Persaraan Swasta


Pada 31 Disember 2024, bilangan skim persaraan swasta (PRS) kekal tidak berubah dengan 14 skim yang terdiri daripada 78 dana yang ditawarkan oleh 9 penyedia PRS. Jumlah keseluruhan NAV meningkat sebanyak 17.98% kepada RM7.61 bilion pada 31 Disember 2024 (2023: RM6.45 bilion), dengan caruman daripada ahli pada tahun berkenaan kekal teguh, di mana RM938 juta dilaburkan dalam PRS (2023: RM767 juta).

Jumlah ahli pada 31 Disember 2024 meningkat sebanyak 6.61% kepada 617,000 daripada 579,000 pada 31 Disember 2023, dengan demografi utama ahli PRS ditunjukkan pada Carta 6-8.


CARTA 6
Ahli PRS mengikut kumpulan umur



CARTA 7
Ahli PRS mengikut jantina



CARTA 8



PRODUK PELABURAN

Waran berstruktur

Pada 2024, SC mendaftarkan 1,811 kertas terma bagi penawaran waran berstruktur, peningkatan 20% berbanding tahun 2023 di mana 1,515 kertas terma yang telah didaftarkan.

Bilangan kertas terma waran berstruktur dengan pendasar tempatan telah bertambah pada 2024 dengan 1,350 kertas terma telah didaftarkan, mencatatkan peningkatan sebanyak 27% berbanding 2023 (2023: 1,065 kertas terma). Sejumlah 461 kertas terma dengan pendasar asing telah didaftarkan pada 2024 berbanding 450 kertas terma pada 2023.


Pada 2024, bilangan kertas terma waran berstruktur yang didaftarkan dengan indeks sebagai pendasar meningkat sebanyak 25% (2024: 419 kertas terma, 2023: 334 kertas terma). Waran berstruktur dengan indeks pendasar asing meningkat sebanyak 30% berbanding 2023, didorong terutamanya oleh pertumbuhan besar dalam waran berstruktur berbanding Indeks Hang Seng. Indeks asing lain termasuk waran berstruktur dengan Indeks Purata Saham Nikkei (Nikkei 225), Indeks Hang Seng Tech, Indeks S&P 500, Indeks NASDAQ-100 dan Indeks Purata Perindustrian Dow Jones.

JADUAL 3
Program produk berstruktur

Program baharu yang diserahkan	2024		2023	
	Bil. program	Saiz (RM bilion)	Bil. program	Saiz (RM bilion)
Prinsip				
– Konvensional	40	200	18	90
– Islam	5	25	2	10
JUMLAH	45	225	20	100

CARTA 9

Kertas terma waran berstruktur berdaftar mengikut domisil penyenaraian pendasar



Produk Berstruktur

Pada 2024, sejumlah 16 penerbit mengemukakan 45 program produk berstruktur baharu dengan SC di bawah Rangka Kerja LOLA untuk produk pasaran modal tidak tersenarai. Program-program ini terdiri daripada pelbagai rujukan pendasar dan mempunyai saiz agregat sebanyak RM225 bilion dengan setiap program mempunyai had saiz sehingga RM5 bilion (Jadual 3).

Siri Produk Berstruktur

Pasaran produk berstruktur Malaysia melaporkan pengurangan sebanyak 2% daripada jumlah terbitan baharu pada 2024 berbanding 2023.

Individu bernilai bersih tinggi (HNWI) terus membentuk majoriti pelabur yang menyumbang 93.4% daripada pelabur dalam produk berstruktur. Baki 6.6% pelabur terdiri daripada entiti bernilai bersih tinggi (HNWE) dan pelabur diakreditasi serta individu yang memperoleh produk pasaran modal tidak tersenarai dengan pembayaran tidak kurang daripada RM250,000 bagi setiap kategori transaksi (Carta 10).

Produk berstruktur konvensional masih meneruskan penguasaan pasarnya dengan menyumbang 93.7% daripada terbitan pada 2024 (Carta 11). Terbitan produk berstruktur Islam meningkat 250% pada 2024.


Pada 2024, sejumlah 186 siri produk berstruktur diserahkan bawah Rangka kerja LOLA untuk ditawarkan kepada pelabur sofistikated (2023: 167), mencatatkan peningkatan sebanyak 11%.

Kontrak Untuk Perbezaan


SC memperkenalkan *Garis Panduan mengenai Kontrak untuk Perbezaan (CFD)* pada 6 April 2018. CFD ialah produk derivatif berleveraj yang membolehkan pelabur mengambil bahagian dalam pergerakan harga instrumen pendasar.

Pada 2024, 2 penyedia CFD menawarkan CFD di Malaysia berdasarkan saham, indeks dan komoditi.

CARTA 10
Pecahan mengikut jenis pelabur




CARTA 11
Pecahan mengikut prinsip




PASARAN MODAL ISLAM

ICM kekal sebagai penyumbang terbesar, yang merangkumi 63.04% kepada keseluruhan pasaran modal. Mencatatkan pertumbuhan yang stabil, ICM berkembang sebanyak 8.5% tahun ke tahun, meningkat daripada RM2,426.77 bilion pada 2023 kepada RM2,634.13 pada penghujung 2024. ICM terdiri daripada sekuriti patuh Syariah, dengan jumlah permodalan pasaran RM1,309.79 bilion, dan sukuk, dengan jumlah belum tebus sebanyak RM1,324.34 bilion (Carta 1).

CARTA 1
ICM pada Disember 2024



Saiz ICM




SEKURITI PATUH SYARIAH

Pada penghujung 2024, bilangan sekuriti patuh Syariah meningkat daripada 811 kepada 822, yang merangkumi 79.11% daripada jumlah 1,039 sekuriti tersenarai di Bursa Malaysia. Permodalan pasaran

sekuriti patuh Syariah mencatatkan peningkatan sebanyak 11.71% berbanding penghujung 2023, pada RM1,309.79 bilion atau 62.96% dari jumlah keseluruhan permodalan pasaran pada Disember 2024, (Carta 2).

CARTA 2
Sekuriti patuh Syariah pada Disember 2024




SUKUK

Terbitan sukuk korporat mewakili 74.36% (2023: 77.25%) daripada jumlah terbitan bon korporat dan sukuk manakala sukuk korporat belum tebus menyumbang 84.58% (2023: 83.96%) daripada jumlah bon korporat dan sukuk belum tebus (Jadual 3). Jumlah terbitan sukuk pada 2024 mewakili 62.56% (2023: 60.84%) daripada jumlah terbitan bon dan sukuk manakala jumlah sukuk belum tebus mewakili 63.12% (2023: 63.20%) daripada jumlah bon dan sukuk belum tebus (Carta 3 dan Jadual 4).

Sejumlah 20 penerbit menerbitkan sukuk SRI dan Sukuk Berkaitan Kemampanan pada 2024, menjadikan jumlah penerbit sukuk SRI kepada 48 sejak klasifikasi ini diperkenalkan pada 2015. Terbitan sukuk SRI korporat pada 2024 berjumlah RM9.98 bilion, iaitu 10.81% daripada jumlah terbitan sukuk korporat tahun berkenaan, manakala sukuk korporat SRI belum tebus meningkat kepada RM34.46 bilion pada Disember 2024 (2023: RM26.32 bilion), yang mewakili 4.75% daripada jumlah sukuk korporat belum tebus.


CARTA 3
Sukuk pada Disember 2024




PENGURUSAN DANA ISLAM

Pada Disember 2024, AUM Islam berjumlah RM246.09 bilion, peningkatan tahun ke tahun sebanyak 8.82% daripada RM226.14 bilion pada penghujung 2023 (Carta 4) dari tahun-ke-tahun. Bilangan amaun CIS (UTF, WF, PRS, REIT and ETF) Islam adalah 422 pada Disember 2024, termasuk 30 dana SRI Islam. Di samping itu, terdapat 62 syarikat pengurusan dana yang menguruskan dana Islam, dengan 24 syarikat pengurusan dana Islam sepenuhnya dan 38 syarikat pengurusan dana dengan produk dan perkhidmatan Islam pada Disember 2024.

CARTA 4
AUM pengurusan dana Islam



Industri Pengurusan Dana




AUM Islam pada Disember 2024: RM246.09 bilion


Nota:
AUM bersumberkan daripada skim pelaburan kolektif (CIS) dan mandat persendirian.

Pengurusan dana Islam pada Disember 2024

Industri Pengurusan Dana



CIS Islam



STATISTIK UTAMA

JADUAL 1
Saiz ICM

	2024 RM bilion	2023 RM bilion
Permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah	1,309.79	1,155.53
Saiz sukuk belum tebus	1,324.34	1,271.24
Saiz keseluruhan ICM	2,634.13	2,426.77
% ICM kepada jumlah pasaran modal	64.23%	63.73%

JADUAL 2
Sekuriti patuh Syariah

	2024	2023
Bilangan sekuriti:		
Sekuriti patuh Syariah	822	811
Jumlah sekuriti tersenarai	1,039	995
% sekuriti patuh Syariah kepada jumlah sekuriti tersenarai	79.11%	81.51%
Permodalan pasaran (RM bilion):		
Sekuriti patuh Syariah	1,309.79	1,155.53
Jumlah sekuriti tersenarai	2,080.51	1,796.40
% sekuriti patuh Syariah kepada jumlah permodalan pasaran	62.96%	64.32%

JADUAL 3
Sukuk korporat

	2024	2023
Jumlah terbitan (RM bilion)		
Terbitan sukuk	92.32	91.41
Jumlah terbitan bon dan sukuk korporat	124.15	118.33
% sukuk kepada jumlah terbitan bon dan sukuk korporat	74.36%	77.25%
Jumlah belum tebus (RM bilion)		
Sukuk belum tebus	725.68	705.52
Jumlah bon dan sukuk korporat belum tebus	858.00	836.74
% sukuk kepada jumlah bon dan sukuk korporat belum tebus	84.58%	84.32%

JADUAL 4
 Jumlah sukuk

	2024	2023
Jumlah terbitan (RM bilion)		
Terbitan sukuk	273.66	333.13
Jumlah terbitan bon dan sukuk	437.41	547.53
% sukuk kepada jumlah terbitan bon dan sukuk	62.56%	60.84%
Jumlah belum tebus (RM bilion)		
Sukuk belum tebus	1,324.34	1,271.24
Jumlah bon dan sukuk belum tebus	2,098.06	2,011.33
% sukuk kepada jumlah bon dan sukuk belum tebus	63.12%	63.20%

JADUAL 5
 AUM Islam

	2024	2023
AUM Islam (RM bilion)	246.09	226.14
Jumlah industri pengurusan dana (RM bilion)	1,069.07	975.48
% AUM Islam kepada keseluruhan industri pengurusan dana	23.02%	23.18%

JADUAL 6
 UTF Islam

	2024	2023
UTF Islam	299	291
Jumlah industri	775	757
NAV UTF Islam (RM bilion)	122.22	113.11
NAV keseluruhan industri (RM bilion)	546.08	499.88
% NAV UTF Islam kepada keseluruhan industri	22.38%	22.63%

JADUAL 7
 WF Islam

	2024	2023
WF Islam	74	76
Jumlah industri	476	465
NAV WF Islam (RM bilion)	15.80	14.78
NAV keseluruhan industri (RM bilion)	82.60	77.15
% NAV WF Islam kepada keseluruhan industri	19.13%	19.16%

JADUAL 8
Dana PRS Islam

	2024	2023
PRS Islam	37	37
Jumlah industri	78	78
NAV PRS Islam (RM bilion)	2.55	2.20
NAV keseluruhan industri (RM bilion)	7.61	6.45
% NAV PRS Islam kepada keseluruhan industri	33.44%	34.11%

JADUAL 9
REIT islam

	2024	2023
REIT Islam	5	5
Jumlah industri	19	19
Permodalan pasaran REIT Islam	20.29	17.93
Permodalan pasaran keseluruhan industri (RM bilion)	48.93	41.78
% permodalan pasaran REIT Islam kepada keseluruhan industri	41.47%	42.90%

JADUAL 10
ETF Islam

	2024	2023
ETF Islam	7	6
Jumlah industri	16	15
Permodalan pasaran ETF Islam (RM bilion)	0.50	0.41
Permodalan pasaran keseluruhan industri (RM bilion)	2.36	2.21
% permodalan pasaran ETF Islam kepada keseluruhan industri	21.19%	18.55%

JADUAL 11
Penasihat Syariah berdaftar

	2024	2023
Individu	82	75
Syarikat	19	20
Jumlah	101	95

MODAL TEROKA DAN EKUITI SWASTA

JADUAL 1
Statistik peserta industri

	2024	2023
Bilangan syarikat berdaftar	145	137
Bilangan VCMC dan VCC berdaftar	115	113
Bilangan PEMC dan PEC berdaftar	30	24
Bilangan PEMC dan PEC berdaftar ¹	278	305

Nota:

¹ Profesional dengan lebih daripada 4 tahun pengalaman.

Jumlah bilangan syarikat yang berdaftar adalah sebanyak 145 pada 31 Disember 2024 (Jadual 1). Segmen modal teroka terdiri daripada 115 syarikat berdaftar (syarikat pengurusan modal teroka (VCMC) dan syarikat modal teroka (VCC), manakala segmen ekuiti swasta terdiri daripada 30 syarikat berdaftar (syarikat pengurusan ekuiti swasta (PEMC) dan syarikat ekuiti swasta (PEC).

Pada penghujung 2024, bilangan profesional yang diambil bekerja oleh industri dengan sekurang-kurangnya 4 tahun pengalaman adalah seramai 278 orang.

JADUAL 2
Statistik utama industri
Angka dalam RM juta

	2024		2023	
	Ekuiti Swasta	Modal Teroka	Ekuiti Swasta	Modal Teroka
Jumlah dana komited bawah pengurusan [1]	18,005.63	6,698.07	11,000.01	6,581.14
Jumlah modal dikeluarkan [2]	10,689.09	4,227.86	8,899.53	4,551.23
Anggaran modal tersedia untuk pelaburan [3]=[1]-[2]	7,316.54	2,470.21	2,100.48	2,029.91
Jumlah syarikat penerima pelaburan	88	437	63	392

Nota:

Statistik ini berdasarkan angka yang dilaporkan oleh firma VC/PE berdaftar. Pengerakan tahun-ke-tahun mungkin berubah-ubah. Jumlah adalah berbeza disebabkan oleh pembundaran.

Jumlah dana komited dalam industri pada penghujung tahun 2024 adalah berjumlah RM18.01 bilion dan RM6.70 bilion masing-masing untuk ekuiti swasta dan modal teroka (Jadual 2), dengan jumlah gabungan RM24.70 bilion. Bagi ekuiti swasta, komitmen sebahagian besarnya diperoleh daripada pelabur korporat (40.91%), pelabur individu dan pejabat keluarga (16.77%) dan institusi kewangan (13.27%) (Carta 1).


Bagi modal teroka, agensi kerajaan dan syarikat pelaburan (35.99%), dana kekayaan berdaulat (20.15%)

serta pelabur individu dan pejabat keluarga (19.55%) membentuk 3 sumber pembiayaan teratas (Carta 2).


3 syarikat berdaftar teratas mengikut jumlah komitmen pelabur pada akhir tahun 2024 ialah Creador, Gaia Investment Partners dan Xeraya Capital.

Pelaburan VC pada 2024 tertumpu kepada peluang peringkat pertumbuhan (44.60%), diikuti peringkat awal (35.98%) dan peringkat permulaan (13.44%). Pelaburan PE terutamanya disalurkan ke dalam peringkat pertumbuhan (83.82%), dengan beberapa pelaburan

CARTA 1
Sumber dana, ekuiti swasta (2024: RM18.01 bilion)



CARTA 2
Sumber dana, modal teroka (2024: RM6.70 bilion)



Nota:

Agensi kerajaan dan syarikat pelaburan: Termasuk syarikat pelaburan kementerian (cth. Menteri Kewangan (Diperbadankan), agensi kerajaan, badan berkanun, dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan yang ditubuhkan untuk menguruskan pelaburan dana awam.

JADUAL 3
Pelaburan pada 2024

Peringkat perniagaan	Pelaburan baharu (RM '000)	% segmen	Bilangan syarikat
Modal teroka			
Semai (<i>Seed</i>)	2,634.00	0.70%	6
Peringkat permulaan	50,499.10	13.44%	19
Peringkat awal	135,223.22	35.98%	9
Pertumbuhan	167,638.24	44.60%	29
Perantara/Mezanin/PralPO	14,344.15	3.82%	2
Pemulihan/Penyusunan semula	5,529.14	1.47%	8
Ekuiti swasta			
Peringkat awal	183,852.86	16.18%	6
Pertumbuhan	952,182.11	83.82%	11
Jumlah	1,511,902.82	100.00%	90
Modal teroka	375,867.85	24.86%	73
Ekuiti swasta	1,136,034.97	75.14%	17


ke dalam peluang peringkat awal (16.18%). Secara keseluruhan, 90 urus niaga VC dan PE telah direkodkan pada 2024 (Jadual 3).

Dari segi industri sasaran, perdagangan borong dan runcit (13.65%) menunjukkan bahagian tertinggi pelaburan VC pada 2024, diikuti pentadbiran dan aktiviti khidmat sokongan (11.92%), profesional, teknikal dan aktiviti saintifik (10.94%).

Bagi PE, pelaburan sebahagian besarnya disalurkan kepada perkhidmatan teknologi (19.60%) pada 2024, diikuti oleh pembuatan (15.18%) dan kewangan dan insurans/takaful (7.11%) (Carta 3).

Penyahlaburan portfolio PE sepanjang 2024 kebanyakannya adalah keluar daripada perniagaan dalam peringkat pertumbuhan, manakala sebahagian besar penyahlaburan VC adalah pada kedudukan peringkat awal, diikuti oleh peringkat pertumbuhan (Jadual 4). Perniagaan yang keluar pada 2024 kebanyakannya melalui IPO atau jualan kepada pasaran awam dan penebusan saham.

CARTA 3
Pelaburan pada 2024, 5 industri sasaran teratas



JADUAL 4
Penyahlaburan pada 2024

Peringkat perniagaan	Penyahlaburan (RM'000)	% segmen	Bil. syarikat
Modal teroka			
Semai (<i>seed</i>)	50,908.98	12.47%	9
Peringkat permulaan	200,782.09	49.19%	14
Peringkat awal	125,436.76	30.73%	76
Pertumbuhan	171.11	0.04%	1
Bridge/Mezanin/PralIPO	8,081.81	1.98%	2
Pemulihan/Penyusunan semula	22,803.23	5.59%	15
Ekuiti swasta			
Peringkat awal	475,836.14	42.46%	10
Pertumbuhan	637,962.66	56.93%	9
Belian keluar	6,750.00	0.60%	2
Jumlah	1,528,732.78	100.00%	138
<i>Modal teroka</i>	<i>408,183.97</i>	<i>26.70%</i>	<i>117</i>
<i>Ekuiti swasta</i>	<i>1,120,548.80</i>	<i>73.30%</i>	<i>21</i>

Nota:
Angka diukur pada kos.

PENDANAAN RAMAI BERASASKAN EKUITI¹

KEMPEN


Sejak penubuhannya, ECF telah mengumpulkan jumlah dana sebanyak RM776.15 juta melalui 404 kempen, dengan kempen patuh Syariah menyumbang 4% daripada jumlah dana yang dikumpulkan.

Dalam Carta 1, jumlah dana yang diperoleh pada tahun 2024 menurun sebanyak 23% kepada RM97.57 juta daripada RM126.28 juta dicatatkan pada 2023. Trend menurun ini juga dapat dilihat pada bilangan kempen yang berjaya, berkurangan daripada 51 pada tahun sebelumnya kepada 35 pada 2024.


Walaupun terdapat penurunan keseluruhan jumlah pengumpulan dana pada 2024, terdapat peningkatan dalam pertumbuhan kempen yang lebih besar, pengumpulan dana melebihi RM3 juta. Ini membentuk 31% kempen pada 2024, meningkat daripada 25% pada 2023 (Carta 2).

Perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motorsikal menerima pendanaan tertinggi pada 2024, berjumlah RM24.67 juta. Manakala, sektor pertanian, perhutanan, dan perikanan mengalami pertumbuhan ketara, dengan jumlah dikumpulkan berkembang dua kali ganda kepada RM17.81 juta pada 2024 (Carta 3).


CARTA 1
Jumlah dana dikumpulkan



CARTA 2
Saiz kempen



CARTA 3
5 sektor teratas mengikut jumlah dana dikumpul



¹ Statistik yang dilaporkan sebelum ini telah diselaraskan mengikut perangkaan terkini yang dilaporkan.


Kempen peringkat semai dan Siri A terus menjadi peringkat pengumpulan dana utama (94%) pada 2024, seperti yang dinyatakan dalam Carta 4.

PENERBITAN


Sejak pertama kali ECF ditubuhkan, jumlah bilangan penerbit telah mencapai 400². Walau bagaimanapun, jumlah bilangan penerbit menurun kepada 35 pada 2024, berkurangan daripada 51 pada tahun sebelumnya. Walaupun 77% penerbit ECF adalah

berpangkalan di Selangor dan Kuala Lumpur. Minat yang semakin meningkat direkodkan daripada penerbit di luar Lembah Klang, termasuk dari Kelantan dan Negeri Sembilan, merangkumi 6% daripada jumlah penerbit tahun 2024 (Carta 5). Bahagian penerbit dengan fokus teknologi menyaksikan peningkatan kecil, meningkat kepada 47% daripada 46% pada 2023 (Carta 6). Perubahan dalam arah aliran diperhatikan, dengan perkadaran penerbit yang beroperasi kurang daripada 3 tahun meningkat kepada 41% pada 2024, berbanding 27% pada tahun sebelumnya (Carta 7).


CARTA 4
Peringkat pengumpulan dana




CARTA 6
Penerbit bertumpu teknologi



CARTA 5
Penerbit: Lokasi perniagaan



CARTA 7
Penerbit: Usia perniagaan




² Termasuk penerbit yang kembali.

PELABUR

Sejak diperkenalkan, bilangan pelabur yang mengambil bahagian telah melebihi 20,000. Walau bagaimanapun, terdapat pengurangan pada jumlah bilangan pelabur sebanyak 24% kepada 3,099, daripada 4,095 pada tahun sebelumnya (Carta 8). Pelabur pertama kali merangkumi 15% pelabur ECF pada 2024.

CARTA 8
Penglibatan pelabur³



JADUAL 1
Demografi pelabur

		2024	2023
Kewarganegaraan	Malaysia	98%	96%
	Asing	2%	4%
Jantina	Perempuan	23%	34%
	Lelaki	77%	66%
Umur	Bawah 35	44%	34%
	35 hingga 45	33%	36%
	>45 hingga 55	16%	19%
	Melebihi 55	7%	11%
Jenis	Runcit	72%	54%
	Pelabur mangkin	15%	38%
	Sofistikated - HNWI	7%	6%
	Sofistikated - HNWE dan terakreditasi	5%	2%
	Entiti bukan sofistikated ⁴	1%	-

³ Penglibatan pelabur merujuk kepada pelabur yang telah melabur dalam sesuatu kempen.

⁴ Kategori baharu diperkenalkan berkuat kuasa Januari 2024.


PEMBIAYAAN ANTARA RAKAN SETARA¹

KEMPEN


Sejak penubuhannya, pembiayaan P2P telah mengumpul sejumlah RM8.49 bilion melalui 120,370 kempen dengan 20% daripada jumlah dana terkumpul disumbangkan oleh kempen patuh Syariah [2023: 15%]. Pada 2024, jumlah dana meningkat 20% kepada RM2.51 bilion, dari RM2.09 bilion pada tahun 2023 (Carta 1). Begitu juga, jumlah keseluruhan kempen pada 2024 meningkat kepada 34,512 dari 31,002 pada 2023.

Saiz Kempen pada tahun 2024 terus menjadi jumlah pengumpulan dana yang lebih kecil, dengan 66% kempen memperoleh RM50,000 dan ke bawah (Carta 2). Perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal kekal sebagai sektor terbesar pada tahun 2024, dengan jumlah dana terkumpul berjumlah RM1.28 bilion dan menyumbang 51% daripada jumlah yang dikumpulkan pada tahun berkenaan (Carta 3).


CARTA 2
Saiz kempen



CARTA 1
Jumlah dana dikumpulkan




CARTA 3
5 sektor teratas mengikut jumlah dana dikumpul




¹ Statistik yang dilaporkan sebelum ini telah diselaraskan mengikut perangkaan terkini yang dilaporkan.


CARTA 4²
Jenis pembiayaan




CARTA 6
Tujuan pengumpulan dana



CARTA 5
Jenis tempoh matang



CARTA 7
Penerbit: Lokasi perniagaan



Dalam Carta 4, majoriti nota pelaburan yang dikeluarkan adalah untuk pembiayaan berbayar, mewakili 59% daripada jumlah kempen pada tahun ini. Kempen dengan nota pelaburan jangka pendek yang mempunyai tempoh 3 bulan atau kurang kekal sebagai kempen yang paling banyak dibiayai (53%) pada tahun 2024 (Carta 5). Tujuan pengumpulan dana pada tahun 2024 terus didominasi (98%) untuk modal kerja (Carta 6).


PENERBIT

Pada akhir tahun 2024, jumlah penerbit adalah 19,956³. Pada 2024, jumlah penerbit berkurangan sebanyak 3% kepada 5,206 dari 5,359 pada 2023. Dari segi lokasi perniagaan, penerbit yang berpangkalan di Selangor dan Kuala Lumpur terus menjadi yang paling banyak mendapat perkhidmatan pembiayaan P2P sebanyak 52% pada 2024 (Carta 7).


² Jenis kategori pembiayaan baharu berkuat kuasa Januari 2024.

³ Termasuk penerbit yang kembali.

CARTA 8
Penerbit bertumpu teknologi



CARTA 9
Penerbit: Tahun dalam perniagaan




Penerbit bukan berasaskan teknologi membentuk 99% daripada jumlah penerbit (Carta 8). Seperti ditunjukkan dalam Carta 9, kebanyakan (80%) penerbit telah beroperasi selama tiga tahun dan lebih.

PELABUR

Seperti dalam Carta 10, jumlah terkumpul pelabur telah melebihi 38,000 sejak pembiayaan P2P pertama kali diperkenalkan. Pada 2024, terdapat sedikit peningkatan sebanyak 0.2%, dengan jumlah pelabur kepada 15,628 dari 15,599 pada 2023. Terdapat 7% daripada pelabur baharu yang mengambil bahagian dalam P2P pada 2024.

CARTA 10
Penglibatan pelabur⁴



⁴ Penglibatan pelabur merujuk kepada pelabur yang telah melabur dalam sesuatu kempen.

JADUAL 1

Demografi pelabur

		2024	2023
Kewarganegaraan	Malaysia	97%	98%
	Asing	3%	2%
Jantina	Perempuan	29%	28%
	Lelaki	71%	72%
Umur	Bawah 35	41%	46%
	35 hingga 45	34%	32%
	>45 hingga 55	16%	14%
	Melebihi 55	9%	8%
Jenis	Runcit	90%	86%
	Pelabur mangkin	4%	5%
	Sofistikated - HNWI	5%	8%
	Sofistikated - HNWE dan Terakreditasi	0%	1%
	Entiti bukan sofistikated ⁵	1%	-

⁵ Kategori baharu diperkenalkan berkuat kuasa Januari 2024.

Halaman ini sengaja dibiarkan kosong.

AKRONIM DAN SINGKATAN

ABJAD	<i>Agen Bijak Labur Desa</i>
ABM	Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia
ACGA	Persatuan Tadbir Urus Asia
ACMF	Forum Pasaran Modal ASEAN
ACSR	Jawatankuasa Penasihat Pelaporan Kemampanan
ADB	Bank Pembangunan Asia
AGM	mesyuarat agung tahunan
AI	kecerdasan buatan
AMLATFPUAA	<i>Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001</i>
AMLCFT/PF	Pencegahan pengubahan wang haram/ pencegahan pembiayaan keganasan
AOB	Lembaga Pemantauan Audit
APAC	Asia Pasifik
APRC	Jawatankuasa Serantau Asia Pasifik
ARC	Jawatankuasa Audit dan Risiko
ASB	<i>Asia School of Business</i>
ASEAN	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara
ASEAN SRF	Dana Kemampanan dan Bertanggungjawab ASEAN
ASEAN Taxonomy	<i>Taksonomi ASEAN untuk Kewangan Mampan</i>
ATCM	Persatuan Syarikat Amanah Malaysia
AUM	aset bawah pengurusan
BCX	<i>Bursa Carbon Exchange</i>
BNM	Bank Negara Malaysia
BSC	Lembaga Jawatankuasa Kemampanan
CAGR	kadar pertumbuhan tahunan kompaun
CFD	Kontrak Atas Perbezaan
CMC	Lembaga Dana Pampasan Pasaran Modal
CIS	skim pelaburan kolektif
CME	entiti pasaran modal
CMM	Pasaran Modal Malaysia
CMP3	<i>Pelan Induk Pasaran Modal 3</i>
CMSA	<i>Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007</i>
CMSL	Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal
CMSR	<i>Tinjauan Kestabilan Pasaran Modal</i>
CMSRL	Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal
COP28	Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
CPI	Pelaksanaan Harga Karbon
CRA	agensi penilaian kredit
CVC	modal teroka korporat
DAC	Penjaga Aset Digital
DAX	pertukaran aset digital
DeFi	kewangan terdesentralisasi
DF	forensik digital
DIM	pengurusan pelaburan digital
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
ECF	pendanaan ramai ekuiti
ERMC	Jawatankuasa Pengurusan Risiko Eksekutif
ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus

ETF	dana dagangan bursa
EU	Kesatuan Eropah
FTSE	<i>Financial Times Stock Exchange</i>
FBMKLCI	FTSE Bursa Malaysia KLCI
FCNH	kontrak niaga hadapan depan mata wang dolar Amerika Syarikat dan Renminbi China mini
FCO	Ofset Karbon Hutan
FCSFZ	Zon Kewangan Khas Forest City
FEN	Rangkaian Pendidikan Kewangan
FIMM	Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia
FMC	Syarikat pengurusan dana
FPAM	Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia
FRC	Jawatankuasa Risiko Kewangan
FSA	Penilaian Skop Berfokus
FSI	Indeks Tekanan Kewangan
FSOY	Kontrak niaga hadapan minyak soya
FVTPL	nilai adil melalui keuntungan atau kerugian
Garis Panduan CFD	<i>Garis Panduan Kontrak Atas Perbezaan</i>
GDP	keluaran dalam negara kasar
GHG	pelepasan gas rumah hijau
GIFP	Program Kewangan Islam Global
GIP	Menghijaukan Taman Perindustrian
GLIC	syarikat pelaburan berkaitan kerajaan
GMCR	<i>Garis Panduan Pengurusan Risiko Siber</i>
GTRM	<i>Garis Panduan Pengurusan Risiko Teknologi</i>
GRI	Inisiatif Pelaporan Global
GVC	Rantai Nilai Penghijauan
HNW	Bernilai Bersih Tinggi
HNWE	Entiti Bernilai Bersih Tinggi
HNWI	Individu yang Bernilai Tinggi
IAASB	Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa
ICDM	Institut Pengarah Korporat Malaysia
ICM	Pasaran modal Islam
ICMR	Institut Penyelidikan Pasaran Modal
IEO	tawaran pertukaran awal
IFRS	<i>Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa</i>
IHP	Indeks Harga Pengguna
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa
INCEIF	Pusat Antarabangsa untuk Pendidikan Kewangan Islam
IOSCO	Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa
IPO	tawaran awam permulaan
ISF 2024	InvestSmart® Fest 2023
ISSB	Lembaga Piawaian Kemampanan Antarabangsa
IAASB	Lembaga Piawaian Pengauditan dan Jaminan Antarabangsa
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JC3	Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
Kod	<i>Kod Pengambilalihan dan Penggabungan Malaysia 2016</i>
KPI	penanda aras prestasi
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
Labuan FSA	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan
LEA	Agensi Penguatkuasaan Undang-undang
LOLA Framework	Rangka Kerja Serah dan Simpan
MAS	Pengawalselia Kewangan Singapura

MCCG	Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia
MCMC	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
MDEC	Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia
MFRS	<i>Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia</i>
MGS	Sekuriti Kerajaan Malaysia
MIA	Institut Akauntan Malaysia
MIBA	Persatuan Perbankan Pelaburan Malaysia
MIFC	Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia
MITI	Kementerian Pelaburan, Perdagangan, dan Industri
MOE	Kementerian Pendidikan
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
MOHE	Kementerian Pendidikan Tinggi
MMOU	Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala
MOU	Memorandum Persefahaman
MR	wakil pemasaran
MRC	Jawatankuasa Risiko Pasaran
MSME	perusahaan mikro, kecil, dan sederhana
MTC	syarikat pertengahan
MVCR	Pelan Hala Tuju Modal Teroka Malaysia 2024-2030
MyCIF	Dana Pelaburan Bersama Malaysia
NAV	nilai aset bersih
Pelan Tindakan NDC	Pelan Hala Tuju dan Pelan Tindakan Sumbangan Nasional Yang Ditetapkan
NETR	<i>Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional</i>
NIMP	<i>Pelan Induk Perindustrian Baharu</i>
NRA	Penilaian Risiko Negara Malaysia
NSRC	Pusat Respons Scam Kebangsaan
NSRF	Rangka Kerja Pelaporan Kemampanan Negara
OACP	<i>Pelan Anti-Rasuah Organisasi</i>
OECD	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
OPR	Kadar Dasar Semalaman
ORC	Jawatankuasa Risiko Operasi
Pembiayaan P2P	pembiayaan antara rakan setara
PE	ekuiti swasta
Pelan HalaTuju	<i>Merangsang Akses PMKS dan MTC kepada Pasaran Modal: Pelan Hala Tuju 5 Tahun (2024-2028)</i>
Peraturan	<i>Kod Pengambilalihan dan Penggabungan Malaysia 2016 (Kod) dan Peraturan mengenai Pengambilalihan, Penggabungan dan Pemerolehan Wajib (Peraturan)</i>
Perintah Preskripsi	<i>Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Penetapan Sekuriti) (Mata Wang Digital dan Token Digital) 2019</i>
PGK	pendapatan garis kemiskinan
PIE	entiti kepentingan awam
PLC	syarikat awam tersenarai
PNB	Permodalan Nasional Bhd
PRS	skim persaraan swasta
RA	penilaian pengawalseliaan
Rangka kerja Impak	Rangka Kerja Pelaburan Impak MyCIF
REIT	amanah pelaburan hartanah
RIA	Kecukupan Pendapatan Persaraan
RM	Ringgit Malaysia
RMC	Lembaga dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko
RMO	pengendali pasaran diiktiraf

SAC	Majlis Penasihat Syariah
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SCXSC	<i>Synergistic Collaboration</i> oleh SC
SCMA	<i>Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993</i>
SC-OCIS	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia-Oxford Centre for Islamic Studies
SEDG	Panduan Pengungkapan ESG Mudah
SFI	Inisiatif Kelestarian Pertama
SFO	Instrumen Pejabat Keluarga Tunggal
SFWG	Kumpulan Kerja Kewangan Mampan
SHC	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan
SIA	<i>Akta Perindustrian Sekuriti 1983</i>
SICDA	<i>Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991</i>
SIDC	<i>Perbadanan Pembangunan Industri Sekuriti</i>
SIDREC	Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti
SME	Syarikat Mikro, Kecil dan Sederhana
SMP	Program Mentorship Syariah
SRI	pelaburan mampan dan bertanggungjawabnt
SRI Roadmap	<i>Pelan Hala Tuju Pelaburan Kemampanan dan Bertanggungjawab untuk Pasaran Modal Malaysia</i>
SRI Taxonomy	Taksonomi Pelaburan Kemampanan dan Bertanggungjawab berdasarkan Prinsip untuk Pasaran Modal Malaysia
SRO	organisasi kawal selia sendiri
SROC	Jawatankuasa Pengawasan Risiko Sistemik SC
SSC	Jawatankuasa Pemandu Kelestarian
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
SUA	Pemantauan Aktiviti Tidak Berlesen
SupTech	teknologi Penyeliaan
TAAM	Rancangan Agihan Teknologi dan Analitik
TCRC	Jawatankuasa Risiko Teknologi dan Siber Keselamatan
TSC	kriteria penapisan teknikal
TMK	Timbalan Menteri Kewangan
TSC	kriteria penyaringan teknikal
TVET	pendidikan teknikal dan vokasional
UAE	Emiriah Arab Bersatu
UHNW	bernilai bersih ultra tinggi
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UN	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UNCDF	Dana Pembangunan Modal Bangsa-Bangsa Bersatu
UniKL	Universiti Kuala Lumpur
UPC	syarikat awam tidak tersenarai
US	Amerika Syarikat
UTF	dana unit amanah
UTS	skim amanah unit
VASP	Penyedia Perkhidmatan Aset Maya
VC	modal teroka
WQ-FF	Rangka Kerja Dana Bercirikan Wakaf
YA	tahun penilaian
y-o-y	tahun ke tahun